

BAB 5

KESAN PENDUDUKAN DAN PENTADBIRAN JEPUN

British telah berjaya menduduki semula Tanah Melayu tanpa satu pergelutan dan peperangan kerana Jepun terpaksa menyerah kalah tanpa syarat. Jenaral Itagaki telah mewakili Jepun menyerah diri kepada Lord Louis Mountbatten, Pemerintah Turus Agung Pihak Berikat pada 12 September 1945. Ini bermakna segala kepahitan yang dialami oleh penduduk Tanah Melayu telah berakhir. Sehingga 1946, Tanah Melayu telah berada di bawah pemerintahan British. Penduduk-penduduk Tanah Melayu telah memberikan sambutan baik kepada pihak Berikat, manakala orang Jepun telah dicerca dan dicela. Walau bagaimanapun, pendudukan Jepun yang telah membawa penderitaan itu telah meninggalkan kesan yang mendalam di kalangan semua penduduk di Tanah Melayu yang berbilang kaum.

Kembalinya British disambut baik oleh setengah-setengah pihak namun ada juga pihak yang berasa kurang senang dengan kehadiran semula British ke Tanah Melayu. Di antara yang menyambut baik kehadiran semula British ke Tanah Melayu ialah mereka yang bekerjasama dengan penjajah British sebelum kedatangan Jepun. Tetapi golongan pejuang nasionalis dan anti penjajah berasa sebaliknya.¹

¹ Sheela Abraham, *Sejarah Perkembangan Negara*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn.Bhd. 1993, hlm. 138.

Selepas British berkuasa semula pada September 1945, jenayah telah berlaku di seluruh negeri dengan meluas. Ini telah menyebabkan pihak British terpaksa memulakan pentadbiran tentera yang dikenali sebagai Pentadbiran Tentera British (British Military Administration atau B.M.A.) Langkah pertama yang diambil oleh pentadbiran ini ialah memulih dan mengkalkan keamanan serta menangkap dan menahan orang-orang yang bersubahat dan bekerjasama dengan tentera Jepun.² Pentadbiran Jepun dahulu telah menyebarkan dakyah mengenai orang Cina dan usaha Jepun ini telah berjaya membangkitkan rasa permusuhan orang Melayu terhadap orang Cina. Layanan Jepun yang lebih baik terhadap orang Melayu telah mengakibatkan kemarahan di kalangan orang Cina. Malahan, pemerintah Jepun telah mengambil orang Melayu untuk menjadi askar dan polis.

Sebahagian daripada pasukan Jepun yang menyerang Tentera Anti Jepun Rakyat Malaysia ialah pertubuhan komunis yang dikuasai oleh orang Cina terdiri daripada orang Melayu. Ini telah mengukuhkan lagi permusuhan perkauman antara orang Cina dan orang Melayu. Inilah halangan utama B.M.A. untuk mewujudkan keamanan di Tanah Melayu. Beberapa pertempuran perkauman yang kecil antara Melayu dengan Cina telah berlaku setelah Jepun menyerah kalah pada tahun 1945. Pergaduhan kaum ini berlaku akibat daripada kekejaman Bintang Tiga.³ Walaupun B.M.A. telah berjaya mendesak M.P.A.J.A. supaya menyerahkan senjata-senjata mereka kepada tentera British tetapi tidak semua senjata tersebut diserahkan.

² *Ibid.*, hlm. 139.

³ *Ibid.*

Sejak awal Disember 1945, pegawai-pegawai Parti Komunis Malaya yang diketuai oleh Chin Peng serta askar-askar M.P.A.J.A. yang dahulunya bersekutu dengan British menentang Jepun di Tanah Melayu kini berpaling tada dan menentang British pula. Mereka melakukan berbagai-bagai kekejaman dan mengancam keselamatan rakyat. Mereka membunuh orang-orang yang tidak berdosa, membakar rumah dan membinasakan pokok-pokok getah, menggelincirkan keretapi, menghasut pekerja-pekerja mengadakan mogok dan sebagainya. Tujuan mereka adalah untuk menggulingkan kerajaan di Tanah Melayu dan menjadikan Tanah Melayu sebagai Republik Rakyat cara Komunis.⁴ Berbagai-bagai usaha dijalankan oleh British untuk mengembalikan ketenangan di Tanah Melayu khasnya selepas Perang Dunia Kedua tetapi menghadapi beberapa halangan kerana pergaduhan kaum terus berlaku. Pergaduhan kaum ini hebat tetapi tidaklah meluas.

Kezaliman Jepun yang amat melampau telah membuatkan penduduk-penduduk di Tanah Melayu sentiasa hidup di dalam keadaan menderita dan ketakutan. Penduduk Tanah Melayu terutamanya orang Cina telah menderita akibat kezaliman dan seksaan Jepun. Kebencian terhadap orang Cina sebenarnya adalah kebencian turun-temurun di mana ianya bermula sejak Perang Cina-Jepun dahulu. Kempeitai merupakan polis tentera yang menyeksa ataupun membunuh sesiapa sahaja yang disyaki adalah anti-Jepun. Kebanyakan orang yang disyaki adalah orang Inggeris dan musuh Jepun yang lama iaitu masyarakat Cina di Tanah Melayu.

⁴ Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1981, hlm. 39.

‘...tidak ada yang lebih kuasanya daripada Kempeitai (polis tentera) yang amat dibenci. Mereka memerintah dengan menggunakan keganasan.Oleh sebab itu, mereka ditakuti dan dibenci oleh mereka yang (dahulunya) mengharapkan orang Jepun itu tiba sebagai sahabat dan bukan sebagai penakluk’.⁵

Orang Cina telah mengalami seksaan yang paling teruk di tangan Jepun kerana mempunyai sejarah permusuhan yang begitu lama di antara kedua negara tersebut. Mereka telah diseksa tanpa usul pereksa dan kanak-kamak ramai yang mati dibunuuh dengan hujung benet tentera Jepun. Ramai di antara mereka telah melarikan diri ke pinggir-pinggir hutan untuk mengelakkan seksaan Jepun.

Apabila kaum Cina kerap diseksa dan dizalimi oleh pentadbiran Jepun mereka telah lari ke hutan rimba dan menjalankan pergerakan di bawah tanah menentang Jepun. Terdapat kumpulan pemberontak di mana-mana saja kerana hutan rimba yang tebal dan kawasan gunung-ganang telah membenarkan gerakan seperti ini. Gerakan ini selalunya diketuai oleh pegawai Eropah, yang tertinggal di belakang oleh tentera yang telah berundur atau dipayung terbangkan di sini.⁶

Di Tanah Melayu, Komunis China adalah pusat utama gerakan bawah tanah ini, sungguhpun kaum China Koumintang dan orang Melayu juga mengambil bahagian. Masa berlalu dan bilangan mereka menjadi hampir-hampir 7,000 orang laki-laki dan perempuan bersama-sama dengan hampir 300 orang

⁵ R. Story, *Sejarah Jepun Modern*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, hlm. 211.

⁶ D.G.E.Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm.1002.

British, yang kebanyakannya digugurkan dengan payung terjun.⁷ Cerita tentang kesusahan mereka telah diceritakan oleh Leftenan-Kolonel Spencer Chapman- T.E. Lawrence, Hutan Tanah Melayu.⁸ Mereka beransur-ansur memecahkan jalan keretapi dan dalam tahun 1945 mereka bersedia untuk menghancurkan sistem hubungan Jepun bila tentera British menyerang Tanah Melayu.

Sewaktu pendudukan dan pentadbiran Jepun, sistem pendidikan lebih menekankan latihan akhlak atau pun watak daripada akademik. Kawalan Jepun yang ketat dilihat juga dalam perubahan yang dibuat dalam sistem pelajaran. Bahasa Nippon-Go diajar di sekolah-sekolah rendah. Pelajaran sekolah menengah pula dihentikan dan diganti dengan sekolah-sekolah perdagangan dan teknikal. Pelajar-pelajar telah diajar tentang telekomunikasi-kelautan, perikanan dan pertanian. Kerajaan Jepun di Tanah Melayu sebenarnya bergantung kepada tanah jajahannya untuk bahan-bahan asas seperti makanan, hasil pertanian dan perusahaan.

Sekiranya penduduk tempatan tidak dilatih meneruskan aktiviti-aktiviti ekonomi, keadaan di Tanah Melayu akan menjadi huru-hara tanpa makanan, pakaian dan wang yang cukup.⁹ Jepun juga telah mengukuhkan tatatertib dan menanam sifat kerajinan di kalangan pemuda-pemuda terutamanya Melayu.

⁷ *Ibid.*

⁸ Cerita tentang pergerakan Komunis Cina serta kesukaran yang dihadapi boleh dilihat di dalam ‘The Jungle is Neutral’ tulisan F. Spencer Chapman, Chatto and Windus, London, 1963.

⁹ Sheela, *Sejarah Perkembangan*, hlm.136.

Kesan seterusnya yang terpaksa ditempohi oleh penduduk di Tanah Melayu sewaktu pendudukan dan pentadbiran Jepun ialah masalah kekurangan makanan terutamanya beras kerana ianya sukar diimport dari negeri-negeri lain akibat perang. Pada peringkat awalnya, beras diimport dari Siam dan Burma tetapi lama-kelamaan Jepun mendapati sukar untuk berbuat demikian. Rakyat mengalami kelaparan sehingga menyebabkan kebuluran dan kematian kerap berlaku kerana bekalan makanan tidak mencukupi . Oleh kerana kekurangan makanan, rakyat telah mencari alternatif lain. Tanaman seperti ubikayu, ubi keledek, jagung dan sekoi telah ditanam untuk mengurangkan pergantungan terhadap beras. Untuk menjayakan kempen tersebut, penduduk tempatan telah diarahkan membersihkan ladang-ladang untuk bercucuk tanam.

Kesan dari kekurangan makanan, taraf kesihatan penduduk Tanah Melayu telah merosot. Aspek kesihatan langsung tidak diambil kira oleh Jepun. Penyakit-penyakit seperti beri-beri dan malaria berlaluasa. Ubat-ubatan diambil semuanya oleh orang Jepun bagi merawat askar-askarnya. Tidak ada cara yang sesuai dan cepat untuk mengurangkan kesan penyakit-penyakit yang merebak khususnya malaria. Keadaan ini dikusutkan lagi dengan kekurangan makanan yang berkhasiat.¹⁰ Pengabaian kesihatan bukan sahaja mengakibatkan merebaknya penyakit tetapi ianya juga telah meninggikan kadar kematian. Kesemuanya ini jelas kelihatan kerana pentadbiran kesihatan awam di Singapura dan Tanah Melayu tiada bandingannya di mana-mana pun di Asia. Pihak Jepun telah merampas perkakas dan peralatan terbaru rumah sakit dan setor.¹¹

¹⁰ *Ibid.*, hlm. 136.

¹¹ Hall, *Sejarah*, hlm. 1006.

Sekolah-sekolah juga di rampas dan ramai guru-guru anak negeri dibunuh. Kebuluran dan kekurangan makanan di bandar-bandar lebih dahsyat daripada di Burma, kerana sebelum perang, Tanah Melayu telah mengimpor dua pertiga daripada berasnya dan Jepun telah gagal untuk mengimpor dengan cukupnya daripada kawasan beras yang dikuasainya.¹²

Pengambilan tenaga buruh paksa boleh dikatakan satu penganiayaan yang terburuk sekali sewaktu pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Ianya meninggalkan kesan sosial yang amat mendalam sekali kepada penduduk negara ini. Beribu-ribu orang telah dihantar untuk membina Jalan Keretapi Maut di antara negeri Thai dan Burma. Semuanya ini berlaku akibat polisi-polisi Jepun dan perdagangannya telah merosot sama-sekali. Keadaan ini amat membimbangkan penduduk tempatan kerana kehilangan pekerjaan mereka. Kebanyakkan penganggur ini dihantar ke Burma untuk membina jalan keretapi.¹³ Mereka yang dikerah membina jalan keretapi ini terdiri daripada orang Cina dan Serani.¹⁴ Beribu-ribu orang telah diambil untuk pembinaan jalan keretapi maut yang terkenal itu; yang menyambungkan Selatan Burma dengan Bangkok melalui Kauburi. Orang-orang tahanan perang bangsa Eropah dan Nasrani dilayani dengan kekerasan dan kekejaman. Kubur-kubur orang Eropah yang terlalu banyak yang terletak berhampiran dengan jalan keretapi Burma-Thailand adalah sekarang menjadi

¹² *Ibid.*, hlm. 1006.

¹³ Sheela, *Sejarah*, hlm. 137.

¹⁴ *Ibid.*

ingatan pahit terhadap kurang cekap dan keganasan yang mengakibatkan ramai yang diseksa mati.¹⁵

Pendudukan dan pentadbiran Jepun bukan sahaja telah meninggalkan kesan-kesan sosial tetapi ianya juga telah meninggalkan kesan-kesan ekonomi kepada Melaka dan Tanah Melayu. Sewaktu Jepun menduduki Melaka dan Tanah Melayu, ekonomi dan taraf khidupan penduduk telah merosot. Keadaan ekonomi Tanah Melayu di masa Jepun adalah amat menyedihkan. Perdagangan dengan luar negeri tidak ada sama sekali. Ekonomi Tanah Melayu yang berdasarkan kepada bahan-bahan utama misalnya bijih timah dan getah telah musnah sama sekali. Ini kerana British telah memusnahkan peralatan melombong bijih timah dan logi-logi memproses getah sebelum berundur ke Singapura bagi mengelakkan ianya jatuh ke tangan Jepun. Jentera pengorek di lombong-lombong yang dijalankan oleh orang Eropah telah dibinasakan atau dihapuskan semasa pengunduran pihak British dalam tahun 1941-42, dan terdapat pembinaaan yang meluas terhadap bangunan dan alat jentera di ladang-ladang getah.¹⁶

Tanah Melayu juga terputus daripada pasaran-pasaran eksport yang biasa akibat perang. Lombong-lombong bijih timah dan kilang-kilang memproses getah telah musnah akibat perlanggaran dan perang itu. Tanah Melayu tidak dapat lagi mengeksport getah dan bijih timahnya ke Amerika Syarikat dan England akibat daripada perang itu, sedangkan Jepun pula tidak sanggup membeli barang-barang eksport Tanah Melayu dalam jumlah yang begitu banyak.

¹⁵ Hall, *Sejarah*, hlm.1002.

¹⁶ *Ibid.*, hlm. 1006.

Akibatnya, ekonomi Tanah Melayu telah merosot. Rakyat yang menderita bertambah menderita lagi akibat dari kelumpuhan perusahaan-perusahaan yang penting itu. Import barang-barang perkilangan dan makanan tidak dapat dijalankan.

Dalam masa yang sama pula, Jepun lebih menitik beratkan eksloitasi bahan-bahan yang berkurangan di negeri Jepun seperti besi dan bauksit. Ladang-ladang dan gudang-gudang tinggal musnah, ladang dibinasakan untuk meluaskan kawasan menanam bahan-bahan makanan, alat-alat perhubungan yang putus tidak lagi diperbaiki, barang-barang yang diimpor hilang atau disimpan, kain baju pula susah hendak didapati. Ini bermakna pengangguran bagi beratus-ratus ribu orang dan juga kemiskinan, kepada semua kecuali beberapa orang Jepun dan sebilangan pemasar gelap.¹⁷

Oleh kerana aktiviti import dan eksport telah terhenti, Jepun terpaksa menggunakan bahan-bahan tempatan yang sedia ada untuk menggantikan kekurangan barang penggunaan. Penduduk Tanah Melayu telah memulakan beberapa perusahaan tempatan memandangkan banyak barang yang tidak dapat diimpor. Sebagai contohnya, gentian nanas dan sabut kelapa diproses menjadi tali dan minyak kelapa sawit digunakan sebagai minyak pelicin dan gris. Kilang-kilang yang kekurangan bahan mentah terpaksa ditutup kerana kos operasi meningkat.

¹⁷ H.J. van Mook, *The State of Democracy in South East Asia*, London: 1950, hlm. 154 -155.

Meskipun keadaan mleset pada waktu itu, syarikat-syarikat Jepun yang ulung seperti Mitsui dan Mitsubishi telah memulakan operasinya di sini dan mengambil alih perusahaan penting. Dalam keadaan yang bermasalah ini, inflasi melanda Tanah Melayu kerana bank-bank Jepun tidak dapat mengawal pengeluaran mata wang mereka. Keadaan ini telah memaksa penduduk bertukar-tukar barang (*Barter-trade*) untuk mendapatkan barang lain kerana nilai wang telah jatuh.¹⁸

Sistem kewangan terdiri daripada beberapa percetakan, nilai matawang menjadi-jadi jatuhnya. Terdapat kekurangan yang nyata tentang barang-barang pengguna dan kejatuhan nilai matawang kerana pengeluran wang kertas yang tidak terkawal. Pengedaran wang kertas yang tidak terkawal dan kekurangan makanan dan barang pengguna telah menyebabkan inflasi di Tanah Melayu. Pada akhir Perang Dunia Kedua, jumlah mata wang Jepun dalam peredaran ialah sebanyak kira-kira \$4, 000 juta berbanding dengan \$200 juta sebelum perang.¹⁹ Wang pada waktu itu scolah-olah tidak mempunyai nilai kerana pihak pentadbiran Jepun telah mencetak dengan banyak tanpa mengukur dan menilai sesuatu atau berpandukan kepada emas dan sebagainya.

Kesan ekonomi yang paling ketara sekali sewaktu pendudukan Jepun di Melaka dan Tanah Melayu ialah tentang kekurangan segala jenis barang pengguna terutama tekstil. Untuk mengatasi masalah tersebut, penduduk tempatan

¹⁸ Sheela, *Sejarah*, hlm.138.

¹⁹ Harry Miller, *The Story of Malaysia*, London: Faber and Faber, 1965, hlm.157.

telah menggunakan barang tempatan yang sedia ada. Menurut Encik Abdul Rahman bin Repah;

“Orang-orang kampung telah membuat kasut dari getah sekrap, seluar dari kain guni dan tempe dari biji getah untuk keperluan scharian”.²⁰

Untuk makanan pula, penduduk Tanah Melayu terpaksa bergantung kepada makanan lain seperti ubikayu dan keledek. Penjajahan Jepun di Tanah Melayu dan perang di Eropah telah melembabkan perdagangan di merata tempat termasuk di Pulau Pinang dan Singapura. Akibat polisi-polisi Jepun, perdagangan telah merosot sama sekali. Keadaan ini amat membimbangkan penduduk-penduduk tempatan kerana kehilangan pekerjaan mereka. Pihak Jepun juga tidak mengendalikan infrastruktur dengan baik. Banyak jalan-jalan raya serta jalan kcretapi yang telah dimusnahkan oleh British sewaktu berundur dengan tujuan melambatkan pergerakan atau serangan Jepun di Tanah Melayu tidak dibaiki. Pengangguran berlaku kerana kerosakan dan penutupan lombong-lombong dan ladang-ladang getah juga disebabkan oleh keadaan fizikal yang tidak membolehkan mereka bekerja. Menurut Dr. van Mook;

“Mercka yang menanggung azab yang teruk sekali adalah orang awam. Ekonomi Jepun sangat dahsyat, pentadbiran Jepun adalah palsu...”²¹

Kesan pendudukan Jepun di Tanah Melayu yang utama ialah pengaruh serta darjat orang Inggeris telah jatuh dalam pandangan penduduk tempatan. Ini adalah kerana cara dan gaya mercka di usir oleh Jepun dari Tanah Melayu dan

²⁰ Temuramah dengan Encik Abdul Rahman bin Repah pada 17 Ogos 2001 di Kampung Tedong, Merlimau, Melaka.

²¹ Van Mook, *The State*, hlm.154-155.

kemudiannya pula dari cara orang-orang tawanan itu dilayan oleh Jepun. British telah gagal melindungi Tanah Melayu dan menghalang Jepun dari membawa kesengsaraan, penderitaan dan sebagainya pada rakyat. Oleh itu rakyat telah hilang keyakinan kepada kuasa British. Pendudukan Jepun juga telah mengakibatkan kesedaran politik yang lebih mendalam dikalangan penduduk Tanah Melayu.

Menurut John Funston, Pendudukan Jepun telah;

“ politicise the Malay peasantry to the extent that they were available for mass mobilisation immediately after the war”.²²

Pendudukan Jepun di Tanah Melayu dalam jangka masa lebih kurang tiga tahun telah berjaya mempercepatkan perkembangan kesedaran kebangsaan di kalangan orang-orang Melayu di mana kesedaran ini adalah sukar di dapati di kalangan orang Melayu pada masa sebelum perang. Pendudukan Jepun tersebut juga telah mempercepatkan lagi perkembangan semangat kebangsaan masyarakat tempatan di keseluruhan Asia Tenggata amnya.²³ Kini orang Melayu telah mula mahu melindungi hak-hak mereka dan idea untuk memerintah diri sendiri telah muncul. Penderitaan yang dialami dan propaganda Jepun seperti “Asia untuk orang Asia” telah menambahkan keazaman orang Melayu untuk mencapai kebebasan politik dan kemerdekaan.

²² John Funston, *Malay Politics in Malaysia*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., 1980, hlm. 35.

²³ Josef Silverstein, “The importance of the Japanese occupation of Southeast Asia to the Political” dalam J. Silverstein (ed.) *Southeast Asia in the World War II, four essays*, Southeast Asia Studies, Yale University , U.S.A. 1966, hlm. 3.

Sewaktu pemerintahan dan pentadbiran Jepun di Tanah Melayu, ramai di kalangan anak watan telah mendapat pengalaman pentadbiran. Pengalaman-pengalaman mereka memegang jawatan-jawatan kanan seperti Pegawai Daerah telah memberi keyakinan diri yang lebih tegas. Orang Melayu telah sedar bahawa mereka mempunyai keupayaan memerintah Tanah Melayu sendiri. Pihak Jepun dalam usaha untuk menguasai rakyat tempatan telah menggalakkan lagi sikap anti-penjajahan yang telah wujud di kalangan rakyat tempatan. Jepun sendiri telah menjanjikan kemerdekaan kepada setengah-setengah negeri di Asia Tenggara, terutamanya Burma dan Filipina sebagai hasil kerjasama mereka dengan Jepun.²⁴ Sungguhpun demikian kemerdekaan yang dimaksudkan oleh Jepun tersebut bukanlah satu kemerdekaan yang sebenar. Menurut pentadbiran Jepun, keinginan penduduk-penduduk wilayah-wilayah yang ditaklukinya adalah dihormati dan langkah-langkah untuk memenuhi keinginan tersebut akan dilakukan. Walau bagaimana pun bentuk kerajaan yang sesuai untuk negeri-negeri tersebut akan dibuat dengan mempertimbangkan keperluan tentera dan ekonomi serta unsur-unsur sejarah, politik dan kebudayaan wilayah yang berkenaan.²⁵

Ini menunjukkan bahawa ‘kemerdekaan’ tersebut tidak dapat membaskan negeri-negeri yang berkenaan daripada pengaruh Jepun.

24 Kemerdekaan bagi Burma dan Filipina telah sering diucapkan oleh Perdana Menteri Tojo kepada Dewan Perwakilan Jepun (Diet) pada bulan Disember 1941, iaitu ketika perang dunia sedang berjalan. Ucapan mengenai soal yang sama disampaikan pula pada 22 Januari 1942. Ucapan-ucapan ini mungkin diharapkan oleh Perdana Menteri Tojo akan menyebabkan rakyat di Asia Tenggara yang inginkan kemerdekaan itu menyokong Jepun pada saat yang diperlukan itu. Hanyalah pada bulan Januari 1943 baharulah Liaison Conference memutuskan untuk mengadakan persiapan-persiapan untuk kemerdekaan Burma dan Filipina, tetapi negeri-negeri Asia yang lain ditangguhkan pada masa yang sesuai. W.H. Elsbree, *Japan's Role in Southeast Asian Nationalist Movement 1940 to 1945*, New York: Russell & Russell, 1970, hlm. 28, 42, 47.

25 *Ibid*, hlm. 26.

'Kemerdekaan' penduduk-penduduk Asia Timur juga hendaklah diasaskan kepada pembinaan Asia Timur sebagai kewujudan negara-negara yang merdeka di dalam Susunan Baru Asia Timur. Konsep 'kemerdekaan' ini dianggap sebagai;

...differs from independence based on the idea of liberalism and national self-determination.²⁶

Ini ialah kerana kemerdekaan yang sebenarnya menurut pendapat Jepun ialah:

...to maintain independence under the protection of a great power just as a child grows freely and safely under the protection of his father.²⁷

Di sini jelaslah bahawa kemerdekaan yang dijanjikan oleh Jepun adalah kemerdekaan yang terbatas. Ini bermakna, sungguhpun negri-negeri itu diberikan kemerdekaan, tetapi penasihat-penasihat Jepun mesti digunakan dan Jepun mengawal sepenuh hal chwal ketenteraan dan luar negeri, negri-negeri yang berkenaan.

Janji-janji Jepun untuk memberikan kemerdekaan kepada negeri-negeri yang telah lama dijajahi oleh kuasa-kuasa barat di Asia Tenggara itu, ditambah pula dengan slogan-slogan pembebasan dan kesamarataan telah menarik minat pejuang-pejuang semangat kebangsaan di Tanah Melayu. Mereka mengharapkan suasana baru tersebut dapat memberikan peluang keemasan untuk mereka bertindak demi kepentingan negerinya. Jepun telah dianggap sebagai penyelamat dan pembebas umat Asia dari belenggu penjajahan kuasa-kuasa barat. Kegiatan-kegiatan sebaran am pada waktu tersebut juga ialah membincangkan betapa

²⁶ *Ibid.*, hlm 27.

²⁷ *Ibid.*, hlm.27-28.

pentingnya Jepun sebagai penyelamat umat Asia. Malah puisi juga telah terlibat dalam suasana sedemikian, umpamanya dua rangkap sajak Hamka berjudul ‘Di atas Runtuhan Melaka Lama’ telah membayangkan;

Kota Melaka ku lihat riang,
Si ‘Hinomaru’ (bendera Jepun) berkibar-kibar,
Bangunlah tuan umatku sayang,
Seluruh Timur sudahlah sedar.

Bersama Nippon maju berjuang,
ASIA TIMUR RAYA, mulai dibina,
Pengaruh barat kalau terbuang,
Baharulah Timur aman sempurna.²⁸

Menerusi rangkap di atas membayangkan seolah-olah Jepun telah menyedarkan seluruh Timur dan diharapkan pula supaya rakyat tempatan turut bersama berjuang ke arah matlamat tersebut. Jepun dianggap sebagai satu kuasa Asia yang mula membina Asia Timur Raya dan cuba mengikis pengaruh-pengaruh Barat.

Walaubagaimanapun kecurigaan terhadap Jepun beransur-ansur timbul apabila empat buah negri di utara Tanah Melayu iaitu Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu diserahkan kepada Siam pada tahun 1943 sebagai memenuhi janji dengan negri tersebut untuk membentarkan tentera-tentera Jepun melalui Siam mara ke selatan tanpa gangguan ketika Jepun menyerang Tanah Melayu dahulu.

²⁸ *Semangat Asia*, Tahun 1, Bil. 9, Kugatsu (September) Syowa 19, 2063, hlm. 8-9.

Langkah Jepun tersebut telah mendapat tentangan daripada Kesatuan Melayu Muda.²⁹ Sungguhpun demikian, tekanan-tekanan daripada K.M.M. tidak mempunyai kesan yang kuat, malahan masalah tersebut telah menjadi kabur kepada penduduk-penduduk tempatan. Pihak Jepun telah dapat mengelakkan diri daripada tekanan-tekanan pihak Siam untuk menguasai Tanah Melayu seluruhnya kerana K.M.M. telah turut bekerjasama ketika Jepun menakluki Tanah Melayu. Namun begitu pemimpin K.M.M. iaitu Ibrahim Haji Yaakub mula menyedari bahawa Jepun juga adalah penjajah dan oleh itu anggota K.M.M. haruslah berwaspada akan tindak-tanduk Jepun seterusnya dan kemenangan Jepun menguasai kuasa barat, khasnya British bukanlah kemenangan umat Melayu.³⁰

Adalah satu hal yang disedari oleh pemimpin-pemimpin tempatan pada waktu tersebut, khasnya pemimpin-pemimpin K.M.M. bahawa pendudukan Jepun hanyalah merupakan satu peluang untuk mereka bertindak bagi mencapai kemerdekaan Tanah Melayu. Ibrahim Haji Yaakub, pemimpin K.M.M. di zaman itu telah menulis;

“Nippon menimbulkan semula, tetapi mustahil boleh timbul, kalau umat yang telah tenggelam itu tidak mahu timbul namun kalau mereka masih retak di situ, pecah di sini dan lain-lainnya Angkatan Muda Melayu wajiblah

29 I.K. Agastja, *Sedjarah dan Perjuangan di Malaya*, Jogja: Usaha Penerbitan Nusantara, 1951, hlm. 105.

30 *Ibid*, hlm. 96.

bekerja dengan segala tenaga dan daya upaya.³¹

Jepun hanyalah merupakan sumber penggalak kepada kebangkitan bangsa Melayu dari kejatuhan yang dialaminya oleh penjajahan British. Oleh itu, penyatuan orang-orang Melayu seluruhnya adalah perlu untuk membuktikan kepada dunia kebolehan orang Melayu.³² Dengan demikian, peranan orang Melayu sendiri sebagai tindakbalas dari suasana tetapi juga perlu mengambil peranan penting dan bukanlah saja bagaimana Jepun menyedarkan orang Melayu mengenai apa yang perlu dicapai oleh mereka. Jadi langkah Jepun yang telah menyerahkan empat buah negeri di utara Tanah Melayu dalam tahun 1943 telah juga membangkitkan semangat nasionalisme Melayu.

Kesan politik seterusnya selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu bolch kita lihat bagaimana pihak Jepun telah menggalakkan pergerakan nasionalisme Melayu dengan menubuhkan satu angkatan yang dinamakan Giyu-Gun atau Pembela Tanahair (P.E.T.A.). P.E.T.A. yang dibentuk oleh Jepun bertujuan untuk

31 *Semangat Asia*, Tahun 1, No. 8, Hachigatsu (Ogos), Syowa 18, 2603, hlm. 3.

32 Sajak oleh Putera Melaka berbunyi;

Sinaran Mentari,
sudahlah menyinari,
di waktu pagi,
di Melaka jati,
Untuk Melayu Raya,
oleh Melaka,
Negeri Pusaka,
inilah ketika,
menunjukkan baka,
kepada Asia Raya!!

Kaum bangsa ku,
silalah bersatu,
hendaklah dituju,
perubahan baharu,
di bawah anjuran pemerintahan Nippon !!!

Tersiar dalam *Sinaran Matahari*, (Melaka), tahun 1, bil. 1, 24 Ogos, 2601, hlm. 2.

mempertahankan Tanah Melayu daripada serangan musuh. P.E.T.A. ataupun Giyung telah ditubuhkan oleh Jepun pada tahun 1944.³³ Pihak Jepun seterusnya menggalakkan Ibrahim Haji Yaakub untuk menubuhkan Kekuatan Rakyat Istimewa (K.R.I.S.) pada bulan Julai 1945.³⁴ K.R.I.S. ditubuhkan adalah untuk berjuang untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu. Namun begitu rancangan ini tidak membawa hasil kerana tertubuhnya K.R.I.S. ini agak melewati masa yang diperlukan. Ini adalah kerana Jepun telah menyerah kalah kepada pihak Amerika Syarikat pada bulan Ogos 1945 apabila dua bandar utamanya iaitu Hiroshima dan Nagasaki telah di bom oleh Amerika Syarikat atau pihak Berikat

Pendudukan Jepun di Tanah Melayu juga telah menamatkan kepercayaan rakyat tempatan kepada British kerana kalahannya mereka. Keangkuhan mereka yang mengatakan tiada kuasa lain yang boleh menundukkan mereka telah tercalar apabila tidak berjaya mempertahankan Tanah Melayu dari diserang oleh Jepun. Kekebalan mereka seolah-olah satu cerita kosong apabila mereka dikalahkan dengan mudah oleh Jepun dalam masa beberapa minggu sahaja. Akibatnya, sikap anti penjajahan telah meresap disanubari dikalangan orang Melayu.

Pendudukan Jepun di Tanah Melayu juga telah mengakibatkan orang India dan Cina bertambah kukuh dengan perasaan kcindiaan dan kecinaan mereka. Di Tanah Melayu, kegiatan politik kaum India bermula apabila Central Indian Association of Malaya ditubuhkan pada tahun 1937. Pertumbuhan inilah yang telah menyatukan barisan kaum-kaum India membuat tuntutan-tuntutannya kepada

³³ *Malai Sinpo*, 20 Januari, 1944.

³⁴ Gordon P. Means, *Malaysian Politics*, London: Hodder and Stoughton, 1976, hlm. 45-46.

pihak British.³⁵ Pertubuhan tersebut juga mempunyai hubungan yang rapat dengan pergolakan yang berlaku di India. Pendudukan Jepun pula telah memberi kesempatan yang baik untuk kaum India, yang masih tebal dengan perasaan keindiaan itu, menggiatkan lagi pergerakan politiknya. Pihak Jepun pula telah menggalakkan orang-orang India menumpukan kepada perjuangan pembebasan India dari pemerintahan British.

Satu pasukan yang bernama Tentara Kebangsaan India telah ditubuhkan bagi tujuan tersebut. Malahan sebuah kerajaan India buangan bernama Azad Hind telah ditubuhkan di Singapura di bawah pimpinan Subhas Chandra Bose. Polisi Jepun yang menggalakkan orang India menumpukan perhatian kepada perjuangan pembebasan India menyulitkan proses mewujudkan semangat kenegaraan di Malaysia.

Seperti kaum India, kaum Cina juga mempunyai pertubuhan mereka sendiri. Walaupun berbeza dengan kaum India, kaum Cina mempunyai dua pertubuhan sepanjang pendudukan Jepun. Pertubuhan-pertubuhan tersebut ialah M.P.A.J.A. dan O.C.A. Dia antara dua pertubuhan ini, M.P.A.J.A. lebih mempunyai pengaruh yang kuat dan mendapat sokongan hampir kesemua kaum Cina. Ketika Jepun menduduki Tanah Melayu, masalah yang dihadapinya ialah mengenai kaum Cina. Oleh itu pada tahun 1942, satu pertubuhan yang bekerjasama dengan Jepun telah ditubuhkan di seluruh Tanah Melayu yang dikenali sebagai Overseas Chinese Association (Persatuan Cina Seberang Laut). Penubuhan

³⁵ S. Arasarathnam, *Indian in Malaysia and Singapore*, Singapore: Oxford University Press, 1970, hlm. 98-99.

O.C.A. adalah satu cara untuk memanipulasi kaum tersebut yang terkenal sebagai mempunyai pegangan anti-Jepun yang kuat. Jepun berharap dengan penubuhan O.C.A. itu, kegiatan kaum Cina akan dapat dibendung. Sungguhpun begitu, kaum Cina di Melaka terutama yang tinggal di kawasan-kawasan bandar telah cuba menyesuaikan diri dengan keadaan. Semangat anti -Jepun yang masih belum dapat dikikis dari diri mereka telah dipendam sehingga ke suatu masa yang dianggap sesuai.

Pada umumnya kegiatan kaum Cina di zaman pendudukan Jepun lebih terkenal dalam bentuk perang gerila. Kegiatan-kegiatan M.P.A.J.A. lebih berpengaruh daripada kegiatan O.C.A. M.P.A.J.A. juga mendapat sokongan dan bekerjasama dengan British dalam usaha untuk menghalau Jepun daripada negeri ini. M.P.A.J.A. telah diberi senjata oleh British untuk menentang Jepun di Tanah Melayu. British yang telah membentuk satu pasukan yang dikenali sebagai Force 136 bekerjasama dengan M.P.A.J.A. hanya tipu daya dan muslihat politik untuk menghalau Jepun.³⁶ Senjata-senjata dan pengalaman-pengalaman dalam perang gerila di hutan yang diperolehi oleh M.P.A.J.A. semasa pendudukan Jepun telah membolehkan P.K.M. melancarkan pergerakan bersenjata dalam bulan Jun 1948 dengan tujuan untuk menubuhkan Republik Komunis.

Kesan politik yang seterusnya akibat daripada pendudukan Jepun ialah semangat nasionalisme Melayu telah mula bangkit dalam diri orang Melayu. Mereka mula merasakan diri dan hak mereka telah tercabar . Perkara ini timbul

³⁶ Radin Soenarno, "Malay Nationalism 1900-1945" dalam *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 1, No. 1, (Singapore), Mac, 1960, hlm. 23.

apabila wujudnya permusuhan di antara orang Melayu dan Cina akibat daripada pendudukan Jepun. Orang Melayu mula sedar mengenai kepentingan menjaga hak-hak istimewa mereka sebagai bumiputera. Kesemua perkara yang berlaku di zaman pendudukan Jepun telah membuka mata orang Melayu untuk terus berjuang mempertahankan hak mereka apabila British mula kembali ke Tanah Melayu selepas Jepun menyerah kalah pada bulan Ogos 1945.

Kedudukan Islam sewaktu Jepun di Melaka.

Kedudukan Islam sewaktu Jepun di Melaka juga telah mendapat perhatian dari pentadbiran Jepun. Dalam usahanya untuk memenangi hati rakyat, pihak pentadbiran Jepun telah mencankkan bahawa agama, adat-istiadat dan segala yang berhubung dengan kedua-duanya yang dijalankan oleh bumiputera akan dikawal dan terserah kepada penduduk tempatan.³⁷ Kedudukan agama dan adat istiadat rakyat tempatan khasnya Melayu tidak begitu banyak pada waktu pemerintahan Jepun. Bagi negeri Melaka, agama Islam di samping agama-agama lain tetap terpelihara, begitu juga kedua-dua adat iaitu adat Temenggung dan Perpatih yang terdapat di negeri ini. Pihak pentadbiran Jepun juga memerlukan kerjasama ulama tempatan supaya dapat meyakinkan penduduk-penduduk bahawa mereka adalah pengawal dan pembela agama Islam. Kenyataan tersebut amat penting bagi Jepun dan merupakan asas kepada tindakan pentadbiran Jepun yang menganggap agama

³⁷ *Seruan Rakyat*, Kuala Lumpur, 18 November 1945.

sebagai satu gerak kuasa sosial yang besar dan amat berpengaruh.³⁸ Ulama Islam telah dijadikan oleh Jepun sebagai satu alat pula untuk menyalurkan propaganda seperti di dalam khutubah-khutubah Jumaat yang sering memuji-muji pentadbiran Jepun dan doa-doa yang selalu memohon kemenangan di pihak Jepun yang membantu umat Islam.³⁹

Di samping dikatakan mengawal setiap aspek agama penduduk tempatan, pentadbiran Jepun juga cuba menjadikan penduduk-penduduk tempatan meniru seperti mereka. Ini dapat dilihat bagaimana Jepun cuba menyentuh masalah pokok agama masing-masing seperti menundukan kepada ke matahari terbit yang merupakan juga simbol ketiaat setiaan kepada Tenno-Hoika. Soal ini adalah bertentangan dengan agama Islam dan telah ditentang tetapi masih tetap dilakukan oleh Jepun. Sungguhpun begitu, Jepun sedaya-upaya cuba menunjukkan keadilannya terhadap agama Islam. Sebagai langkah pertama Jepun telah mengadakan buat pertama kalinya satu persidangan umat Islam daripada seluruh Tanah Melayu dan Sumatera. Persidangan tersebut telah berlangsung di Singapura pada 5 hingga 6 April, 1943 dan dianggap berjaya menurut kacamata pentadbiran Jepun.

Sungguhpun peranan Jepun amat jelas dalam mengendalikan persidangan tersebut tetapi ini adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan dan merupakan satu persidangan yang harus dibanggakan. Persidangan scumpama ini tidak pernah

³⁸ C.A.O. Van Nieuwenhuijze, *Aspect of Islam in Post-Colonial Indonesia*, The Hague dan Bandung: W. Van Hoeve, 1958, hlm. 116 - 117.

³⁹ *Ibid.*, hlm. 160.

PERIUMPAAN ISLAM

イスラムダイカイ

M
A
T
A
H
A
R
I



B
U
L
A
N

"Matahari dan bulan itulah artinya alam dunia ini," kata Col. Okubo dalam suatu perjumpaan Muslim yang diadakan baru2 ini di-Istana Kampong Gelam, Syonan, ketika merayakan Maulid Nabi Kita Muhammad. s.a.w.

Gambar di atas menunjukkan kanak-kanak sekolah membawa bendera Jepun ketika menyambut perayaan Maulidul Rasul di Istana Kampung Gelam Singapura.

Sumber asal diperolehi dari Arkib Negara, Kuala Lumpur.

wujud pada zaman sebelum Jepun. Seramai 93 orang ulama daripada Tanah Melayu dan Sumatera telah menghadiri persidangan tersebut termasuklah Tuan Sheikh Ar-Rasuli, Tuan A.K. Sutan Mansur dan Hamka (Haji Abdul Malik Karim Amrullah).⁴⁰

Negeri Melaka juga telah turut mengirimkan wakilnya seramai empat orang. Mereka ialah Tuan Haji Ahmad bin Haji Kasim, Tuan Haji Khalil bin Haji Hussein, Tuan Syed Ahmad Al-Habshi dan Tuan Haji Abdul Aziz bin Haji Mohd. Said.⁴¹ Sepanjang persidangan itu, pengaruh-pengaruh Jepun tidak diketepikan begitu sahaja. Pada hari pembukaannya , Ketua Pentadbiran Tentera Tanah Melayu dan Sumatera telah mcnekangkan soal perlunya berbaik-baik dengan pihak pentadbiran Jepun. Di samping itu persoalan yang berhubung dengan keadaan peperangan semasa juga disampaikan dalam persidangan tersebut. Ketua Pentadbiran Tentera Tanah Melayu-Sumatera tersebut juga telah mengulangi ikramnya, bahawa dengan hati yang tetap akan berkhidmat dan menjaga kebudayaan serta kesopanan tamadun yang dipusakai oleh pihak wakil-wakil muislim dan tidak sekali-kali berhajat untuk mencampuri adat-istiadat Islam. Bahkan digalakkan setiap rakyat supaya berpegang kuat kepada Islam dengan mendapat pelajaran yang sebenar untuk membina “Asia Timur Raya”.⁴²

Layanan yang diberikan kepada setiap perwakilan adalah memuaskan. Pada hari kedua persidangan pula, pihak Pejabat Propaganda Jepun telah mengadakan

⁴⁰ *Semangat Asia*, Tahun 1, No. 5, Gogatsu (Mei), Syowa 18, 2603.

⁴¹ *Ibid.*, Tahun 1, No. 4, Shigatsu (April), Syowa 18, 2603, hlm. 8.

⁴² *Ibid.*

UTUSAN 2 ISLAM

Nama utusan2 dari Malai dan Sumatra yang menghadiri Perjumpaan Kaum Islam di-Syonan pada 5 dan 6 Shigatsu ini ialah:—

MALAI

Syonan: 1. Kadzi Besar Haji Ali bin HJ. Said Saleh. 2. Tengku Huseln. 3. Daud Mohd. Shah. 4. Dr. Sayed Hasan Aljunied. 5. S. Ibrahim bin Omar Alsagoff. 6. Khalil Shamsul Anwar.

Johor: 1. Dato' Abdullah bin Abdurrahman. 2. HJ. Hasan bin HJ. Yunus. 3. HJ. Isma'il bin HJ. Yusoff. 4. HJ. Othman bin Abdulrahman.

N. Sembilan: 1. Dato' Kelana.

Perjuangan Menentang Musoh Misti Diteruskan



Pada hari keputeraan Nabi Muhammad s.a.w., Mufti Besar Jerusalem, Amin al Husseini, dalam suatu uchapan-nya di-Masjid Berlin berkata bahlwa "Hari Mahshar" bagi musoh akan tiba, apabila sekalian orang Arab dan Islam akan mendapat negeri2 mereka bebas sekali lagi.

Ia menunjukkan bahawa pada ketika semua bangsa Islam sedang menderita kesusahan ditindis dan ditaloki oleh musoh, perwira2 Arab yang berjuang bagi kemerdekaan sedang menjadi korban, manakala orang2 Islam diperauh.

"Inilah masanya bagi umat Islam wajib menjalankan perjuangan menentang musoh dengan segala daya upaya yang ada pada mereka", kata Mufti Besar itu lagi.—Domei.

(8)

2. Tengku Besar. 3. HJ. Ahmad bin HJ. Sa'Id. 4. Kadzi Kuala Pilah.

Selangor: 1. Tengku Mahmud Zahri. 2. Raja Bendahara. 3. Raja HJ. Othman. 4. Dato' Hamzah.

Melaka: 1. HJ. Ahmad bin HJ. Kasim. 2. HJ. Khalil bin HJ. Hussein. 3. S. Ahmad Alhabshi. 4. HJ. Abdul Aziz bin HJ. Mohamad Said.

Pahang: 1. HJ. Abas Musti. 2. Mahmud bin Mat. 3. Dato' Hussein bin Mohamad Taib. 4. Lamin bin Kasim.

Penang: 1. Raja Kechil Sulong. 2. Mufti HJ. Isma'il. 3. Kadzi Besar Hashim. 4. Megat Othman.

Kedah dan Perlis: 1. HJ. Isma'il bin HJ. Noh. 2. HJ. Mahmud bin HJ. Noh. 3. HJ. Abdul Ghani bin HJ. Awang. 4. HJ. Isma'il bin HJ. Talib. 5. Saleh Othman.

P. Pinang: 1. Abdullah Ariss. 2. Abdul Manan Noordin. 3. A. M. Y. Izzuddin. 4. A. H. Hussein. 5. Sheikh Hussein Rafi'. 6. H. B. Sarwar.

Kelantan: 1. HJ. Mohd. Nor. 2. HJ. Ahmad Mahir. 3. HJ. Nik Mohd. Adib. 4. HJ. Isma'il.

Terengganu: 1. Sheikh Hasan Yamani. 2. Ibrahim Elkret. 3. HJ. Ahmad Fuad. 4. HJ. W. A. Rahman Daud.

SUMATRA

Acheh: 1. Tuanku Abdul Aziz. 2. Tengku Moh. Yunus Janill. 3. Tengku Moh. Hasbi. 4. Tengku Daud Ber'ch.

Sumatra, Timor: 1. HJ. Abdul Malek Karim Amarullah (Hamka). 2. Tengku Yaafizham. 3. Assheikh Abdullah Alfuddin.

Tapanuli: 1. HJ. Fakhri. 2. Mun'im. 3. Arjun. 4. HJ. Abdul Aziz. 5. Mallin Bendahara.

Minangkabau: 1. Sheikh Ibrahim Musa. 2. Sheikh Suleiman

Arrasuli. 3. Ar. Sutan Mansur.

4. HJ. Mahmud Yunus. 5. HJ. Sirajuddin Abbas.

Jambi: 1. HJ. Abdullah Sharqawi. 2. HJ. Idris. 3. HJ. Daud.

4. HJ. Moh. Nawawi Abdul Majid. 5. HJ. Moh. Nawawi Ahmad.

Palembang: 1. HJ. Che' Wan. 2. HJ. Daud Rushdi. 3. HJ. Anang Taib. 4. HJ. Mallan Jaman. 5. HJ. Abdul Samad Abdul Mu'in.

Bengkulu: 1. HJ. Mohamad Amin. 2. HJ. Isma'il. 3. HJ. Burhanudin. 4. Bahsin.

Rangka: 1. Mas'ud. 2. HJ. Mokhtar. 3. HJ. Bakri.

Beliton: 1. Abdul Majid. 2. Hasan Basri.

Riau: 1. Tengku Mahmud. 2. Tengku Said Harun. 3. Mohamad Alwi. 4. HJ. Ahmad Khatib. 5. HJ. Abdul Wahid.

Lampung: 1. Mohd. Taha bin Mohd. Tahir. 2. Haji Mohd. Nawawi. 3. Haji Omar Murad.

Nama-nama utusan Islam Malai Sumatera yang telah di adakan di Singapura di Singapura 1943.

Nama-nama ini diperolehi daripada Majalah Semangat Asia yang diterbitkan pada zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

Sumber asal diperolehi dari Atik Negara, Kuala Lumpur.

syarahan dan diikuti pula dengan persembahan muzik dan nyanyian. Diwaktu malamnya pula telah diadakan jamuan makan malam oleh Marquis Tukogawa dan Datuk Bandar Syonan. Keikhlasan pemerintah Jepun mengenai kegiatan-kegiatan yang dijalankannya adalah diragukan kerana kegiatan tersebut mempunyai motif untuk kepentingan Jepun. Dalam usaha hendak memenangi hati rakyat, Jepun telah cuba mempengaruhi ulama-ulama itu supaya memihak kepada mereka dan diharapkan dapat memberikan satu penjelasan mengenai matlamat Jepun kepada rakyat. Persidangan tersebut bukanlah semata-mata persidangan agama, malah adalah merupakan satu latihan untuk memahami sikap Jepun bagi tujuan-tujuan pentadbiran. Persidangan pertama ulama-ulama dari seluruh Tanah Melayu dan Sumatera itu telah tamat dengan resolusi yang keseluruhannya lebih merupakan pengawalan agama Islam oleh Jepun daripada digunakan sebagai sumber inspirasi rakyat untuk menentangnya. Peserta-peserta telah memuji-muji langkah pentadbiran Jepun tersebut dan sebagai pembalasannya maka mereka akan cuba mempengaruhi rakyat untuk bekerjasama sepenuhnya dengan pentadbiran Jepun. Persidangan tersebut kemudiannya telah diekori pula oleh satu persidangan kedua yang terhad kepada ulama-ulama seluruh Tanah Melayu. Hasilnya, beberapa Jabatan Agama Negeri telah ditubuhkan pada pertengahan kedua tahun 1944.⁴³

43 Perubahan bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu; pada 12 Ogos 1944, Majlis Mesyuarat Orang-Orang Besar dan Ulama negeri Perak telah ditubuhkan dengan Raja Muda Perak sebagai Pengurus. Pada 21 September, Majlis Mesyuarat Agama Islam Johor, dengan Yang Di Pertuan Jabatan Agama Johor sebagai pengetusi. Pada 23 September pula Majlis Mesyuarat Agama Negeri Sembilan ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan. Majlis Mesyuarat Agama dan adat istiadat Melayu pula telah dibentuk pada 24 September dengan dipengerusikan oleh Sheikhul Islam Setia Raja Selangor. Majlis Agama Islam Pahang pula ditubuhkan pada 7 Oktober 1944. Lihat Y. Itagaki, "Some Aspect of the Japanese Policy for Malaya under the occupation, with special reference to Nationalism" dalam Tregonning (ed), *Papers on Malayan History*, Singapore: 1961, hlm. 258.

Penubuhan Jabatan Agama tersebut terutama bagi negeri-negeri bersultan adalah bersesuaian dengan kehendak Jepun. Mencrusi penubuhan jabatan-jabatan agama tersebut, kedudukan sultan sebagai ketua adat istiadat dan agama bagi orang Melayu telah dapat dinaikkan. Melalui kedudukan tersebut, penghormatan telah diberikan kepada sultan-sultan dan ini diharapkan dapat menggalakkan rakyat pula berkhidmat dan bekerjasama dengan Jepun. Bagi negeri Melaka pula sudah terdapat satu Majlis Kadi yang menguruskan hal ehwal agama Islam dan adat istiadat orang Melayu. Sungguhpun begitu, kegiatan Majlis Kadi di Melaka tidaklah dapat dibanggakan. Jabatan-jabatan agama yang dibentuk itu mempunyai empat komiti di dalamnya.

1. Jawatan kuasa Undang-undang agama Islam.
2. Jawatan kuasa Ulang bicara Mahkamah Syariah.
3. Jawatan kuasa Pelajaran Agama
4. Jawatan kuasa mentadbirkan khairat.

Keadaan tersebut menunjukkan bahawa umat Islam tidak melepaskan peluang untuk meninggikan lagi agama mereka. Rancangan-rancangan yang tergендala oleh perangsaan telah cuba diteruskan. Di bawah Jawatan Kuasa Pelajaran Agama, penubuhan Sekolah Agama Rakyat telah cuba digalakkan. Sebuah Sekolah Agama Rakyat telah dibina di Kampung Telok Mas, Melaka.⁴⁴ Perjalanan Pejabat Agama Negeri yang sebenarnya adalah terletak sepenuhnya ditangan sultan dan kuasanya adalah terhad kepada negerinya sendiri dan tidak meliputi Persekutuan. Oleh itu, Pejabat Agama bebas di negeri mereka sendiri. Walau bagaimanapun usaha-usaha untuk menyclaraskan setiap kegiatan Majlis

⁴⁴ Temuramah dengan Haji Abdul Ghani bin Ahmad pada 2 Ogos 2001.

Agama tersebut telah wujud pada akhir tahun 1944. Galakkan pentadbiran Jepun juga amat penting dalam hal ini. Satu usaha ke arah penyatuan tersebut telah diadakan melalui Mesyuarat Majlis-majlis Agama seluruh Tanah Melayu di istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak, selama tiga hari yang bermula pada hari Rabu 13 Disember hingga Jumaat, 15 Disember 1944.⁴⁵ Melaka telah diwakili oleh tiga orang ulama yang ketiga-tiganya menjadi kadi Melaka. Pegawai-pegawai turut serta memerhatikan perjalanan persidangan tersebut. Sungguhpun begitu, usaha tersebut merupakan persidangan yang julung kali diadakan untuk seluruh Tanah Melayu.

Sungguhpun Jepun adalah suatu kuasa penjajah seperti British, tetapi sikap di antara keduanya mengenai agama Islam adalah berbeza;

...di sini nampaklah pada kita perbezaan di antara orang-orang Nippon dengan British terhadap agama kita, bahkan bukannya menghormatkan sahaja, tetapi memberi pertolongan dan mengambil berat di atas perjalanan kita.⁴⁶

Persidangan yang berjalan selama dua hari di Kuala Kangsar, Perak, dengan dipengerusikan oleh Raja Muda Perak dan naibnya, Datuk Setia Wangsa Pahang itu telah ditamatkan dengan satu resolusi dan ikrar kesetiaan perwakilan terhadap pentadbiran Jepun. Ikrar taat setia itu disampaikan pada 14 Disember 1944 dan merupakan puncak dari persidangan tersebut dan berbunyi;

1. Marilah kita bertaat setia kepada Jenno Hekka-Maharaja Dai Nippon- serta sekalian jajahan rantau nya kerana pertolongannya kepada agama kita.

⁴⁵ *Perubahan Baru*, Kuala Lumpur, 18 Disember 1944.

⁴⁶ *Ibid.*, 16 Januari, 2605.

2. Marilah kita sama-sama mara kemenangan muktamat dengan jalan menumpukan segala tenaga kita seperti sedia maklum pengertiannya yang sebenarnya akan tujuan perang Asia Timur Raya ini.
3. Marilah kita menaruh sepenuh-penuhnya kepercayaan kepada tentera Nippon dan pentadbirannya serta mengorbankan diri dan bersatu dengan Dai Nippon.
4. Marilah kita menunaikan kewajiban kita bagi mengawal dan membina Tanah Melayu mengikut aturan agama Islam.⁴⁷

Persidangan tersebut juga telah meminta supaya penguatkuasaan undang-undang agama Islam diadakan di Melaka dan Pulau Pinang. Walau bagaimanapun kebebasan tiap-tiap negeri mengenai perjalanan agama Islam adalah bergantung kepada Majlis Agama negeri masing-masing. Namun begitu setiap resolusi yang diambil tiada yang bercanggah dengan kehendak-kehendak pentadbiran Jepun. Ini bukanlah satu perkara yang luar biasa memandangkan pengaruh Jepun dalam persidangan tersebut. Perkara-perkara penting yang diharapkan dapat dipraktikkan oleh setiap negeri di Tanah Melayu ialah langkah-langkah yang sesuai untuk membantu Jepun menghadapi perang. Di antaranya termasuklah mengadakan pengutipan derma untuk membantu perang, menasihatkan penduduk-penduduk tempatan supaya bekerjasama dengan Jepun, menggalakkan penduduk-penduduk supaya mengeluarkan lebih banyak makanan keperluan, memelihara keamanan negeri dan yang paling menyentuh soal agama ialah mendoakan semoga pihak Jepun menerima kemenangan pada akhir perang tersebut.⁴⁸

⁴⁷ *Ibid.*, 18 Disember 1944.

⁴⁸ *Ibid.*

Amat jelas sekali bahawa agama Islam telah digunakan oleh Jepun untuk mempengaruhi rakyat seluruhnya. Resolusi-resolusi itu membayangkan sikap Jepun yang sebenarnya terhadap agama Islam. Perkara yang berhubung dengan Islam secara langsung diserahkan kepada kebijaksanaan Jabatan Agama masing-masing. Perkara yang berhubung dengan Melaka, tidak terdapat perbezaan yang menonjol mengenai masalah agama tersebut. Setiap negeri di Tanah Melayu mempunyai banyak persamaan dengan yang lain. Adalah dipercayai bahawa usul supaya undang-undang mengenai Islam dikuatkuasakan di Melaka adalah desakan daripada wakil negeri ini. Ketika Jepun menduduki Melaka, tidak terdapat satu jabatan agama seperti negeri-negeri Melayu yang lain. Menerusi galakan Jepun, Majlis Agama Islam telah ditubuhkan dengan Majlis Kadi sebagai puncanya. Majlis Kadi terdiri daripada 13 orang Kadi yang mewakili 13 kawasan di Melaka.⁴⁹

Kesatuan Melayu Muda di Melaka juga mempunyai satu Majlis Ulama yang mengawal kedudukan agama Islam. Ahli Majlis Ulama ini tidak semestinya ahli kepada K.M.M. Di antaranya termasuklah Mufti Melaka, Tuan Haji Khalid bin Haji Hussin, Tuan Haji Ahmad bin Haji Karim (Paya Rumput), Tuan Haji Abdul Azia bin Haji Said (Pernu) dan lain-lain lagi.⁵⁰ Walau bagaimanapun, kegiatan-kegiatan yang wujud di Melaka tidaklah begitu meluas kerana keadaan yang dianggap tidak mengizinkan.

49 13 mukim tersebut ialah Kuala Sungai Baru, Masjid Tanah, Sungai Udang, Melaka tengah, Pernu, Merlimau, Jasin, Nyalas, Jus, Padang Sebang, Alor Gajah, Sungai Petai dan Paya Rumput.

50 Temuramah dengan Tuan Haji Abdul Ghani bin Ahmad pada 2 Ogos 2001.

Rahmat disebalik Pentadbiran Jepun di Melaka.

Walaupun pendudukan Jepun di Melaka dan Tanah Melayu telah mendarangkan banyak penderitaan kepada masyarakat di sini tetapi setiap kesukaran dan keperitan yang dihadapi itu tetap ada rahmat disebaliknya. Pendudukan Jepun telah menampakkan beberapa kegiatan yang sebahagiannya belum pernah dialami oleh penduduk tempatan dan telah memberi kesan pula pada keadaan selepas Jepun menyerah kalah. Walaupun rakyat mencapai pelbagai kesukaran sewaktu pendudukan Jepun tetapi ia telah mengakibatkan kesedaran politik yang lebih mendalam di kalangan penduduk Tanah Melayu khasnya kepada orang Melayu. Jika sebelum pendudukan Jepun di Melaka dan Tanah Melayu, orang Melayu scolah-olah tidak berkeyakinan untuk memerintah tanah air ini. Menurut John Funston, pendudukan Jepun telah;

“ politicise the Malay peasantry to the extent that they were available for mass mobilisation immediately after the war”.⁵¹

Penderitaan yang dialami dan propaganda Jepun seperti ‘Asia untuk orang Asia’ telah menambahkan keazaman orang Melayu untuk mencapai kebebasan politik dan kemerdekaan. Semenjak pendudukan dan pentadbiran Jepun di Tanah Melayu dan Melaka, semangat orang-orang Melayu telah banyak berubah, lebih-lebih lagi kerana telah terpengaruh dengan perasaan anti penjajah. Tambahan pula masyarakat di Tanah Melayu mendapati penjajah British yang diharapkan untuk mempertahankan Tanah Melayu begitu mengecewakan. British bukan saja tidak

⁵¹ John Funston, *Malay Politics in Malaya*, London: Faber and Faber, 1965, hlm 156.

mampu mempertahankan Tanah Melayu tetapi juga jajahannya yang lain seperti Burma, Singapura dan Hong Kong.⁵²

Jepun juga telah membuktikan kepada penduduk Tanah Melayu khususnya kepada orang Melayu bahawa British bukanlah satu kuasa pelindung yang hebat kerana mereka juga boleh dikalahkan kuasa dari Asia. Pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah menamatkan kepercayaan orang Melayu bahawa British tidak boleh dikalahkan. Keadaan ini telah menjatuhkan maruah British di mata dunia. Hakikat ini dan perasaan anti-Barat yang digalakkan oleh Jepun itu telah banyak mempengaruhi sikap dan pendirian orang Melayu terhadap pihak British.

Orang Melayu, pada umumnya tidak lagi menghormati pihak British. Peraturan-peraturan cara barat di dalam pergaulan sosial dan pekerjaan tidak disanjung lagi. Martabat British semakin menurun dikalangan rakyat Melayu.⁵³ Orang Melayu yang telah mendapat pengalaman dalam pentadbiran dan pemerintahan Jepun telah mula yakin pada diri sendiri untuk mentadbirkan negeri mereka. Pengalaman memegang jawatan-jawatan kanan seperti Pegawai Daerah telah memberikan keyakinan yang lebih tegas. Mereka juga telah diberikan kesedaran oleh Jepun bahawa orang Melayu tidak boleh berharap kepada British dan mestilah menentukan nasib mereka sendiri.

Penyerahan negeri-negeri di utara Tanah Melayu iaitu Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu oleh Jepun kepada Siam pada tahun 1943 telah

⁵² Sheela Abraham, *Sejarah Perkembangan*, hlm. 138.

⁵³ *Ibid.*

menimbulkan kemarahan penduduk Tanah Melayu. Namun begitu, tindakan Jepun ini sebenarnya telah memberikan seribu rahmat kepada masyarakat Tanah Melayu. Bermula di sinilah telah membangkitkan semangat nasionalisme Melayu. Disamping itu, pihak Jepun juga telah menggalakkan pergerakan nasionalisme Melayu dengan menubuhkan satu angkatan yang bernama Giyu-Gan atau Pembela Tanah Air (P.E.T.A.) di bawah pimpinan Ibrahim Yaakub. Giyu-Gan merupakan satu pasukan yang sebenarnya ditubuhkan untuk membantu pihak Jepun mempertahankan Tanah Melayu. Pemuda Melayu yang mendapat latihan dalam Giyu-Gan kemudian muncul sebagai nasionalis yang militan. Pihak Jepun seterusnya telah menggalakkan Ibrahim Yaakub untuk menubuhkan kekuatan Rakyat Istimewa (K.R.I.S.) pada bulan Julai 1945.⁵⁴ Ibrahim Yaakub menggunakan asas-asas K.M.M. di berbagai tempat di Tanah Melayu untuk mengerahkan tenaga bagi penubuhan K.R.I.S. K.R.I.S. akan berjuang untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu. Rancangan dibuat untuk melancarkan K.R.I.S. secara rasmi dalam satu Kongres Pemuda yang dijadualkan pada 17 Ogos 1945 di Station Hotel, Kuala Lumpur. Pada waktu itu, Ibrahim Yaakub juga akan diberi kesempatan mengisyiharkan kemerdekaan Tanah Melayu. Namun begitu rancangan ini tidak berhasil kerana belum sempat K.R.I.S. melangkah lebih jauh, Jepun telah menyerah kalah kepada Amerika Syarikat pada bulan Ogos 1945.

Walaupun Jepun telah menyerah kalah kepada Amerika Syarikat dan Britih kembali ke Tanah Melayu namun ia telah berjaya mengubah senario penduduk Tanah Melayu. Segala kekejaman yang dilakukan oleh Jepun telah dijadikan

⁵⁴ Gorden P. Means, *Malaysian Politics*, London: Hodder and Stoughton, 1976, hlm. 45-46.

pengajaran dan Jepun juga bertanggungjawab melahirkan keazaman dikalangan penduduk tempatan untuk berdikari dan mengejar hidup yang lebih bebas. Jepun juga telah menanamkan semangat kebencian kepada kuasa British di kalangan penduduk Tanah Melayu dan hasrat untuk mencapai kemerdekaan dengan secepat mungkin. Secara umumnya, pihak Jepun telah mengubah keadaan sebelum perang dengan begitu radikal sehingga British terpaksa merombak dasarnya selepas perang dan akibatnya telah memfasilitasi proses pencapaian kemerdekaan.

KESIMPULAN

Sepanjang tempoh lebih kurang 550 tahun, Melaka telah dijajah oleh pelbagai kuasa asing. Kegemilangan Melaka di zaman Kesultanan Melayu Melaka terus luput ditelan zaman. Dari tahun 1511 sehingga 1957 Melaka dijajah, pelbagai kesan telah ditinggalkan sebagai tanda kchinaan dan pengajaran kepada rakyat pribumi ini. Apabila tamatnya Perang Dunia Kedua pada bulan Ogos 1945 dengan menyerah kalahnya Jepun kepada pihak Berikat maka dengan sendirinya pendudukan dan pentadbiran Jepun di Melaka pun berakhir.

Tentera Jepun yang masih berada di Melaka pada ketika itu telah diperintahkan meletakkan senjata kerana pengeboman dua bandar mereka di Jepun iaitu Hiroshima dan Nagasaki. Merckta telah berkumpul di Alor Gajah dalam upacara menyerah kalah pada pihak Berikat. Walaupun pendudukan Jepun di Melaka dan Tanah Melayu berjalan dalam masa yang begitu singkat iaitu selama tiga tahun lapan bulan, tetapi ianya telah meninggalkan beberapa kesan dan perubahan yang begitu mendadak sekali dalam beberapa aspek kehidupan rakyat tempatan. Tamparan yang paling hebat tentulah kepada pihak British yang sebelum itu sering mengagung-agungkan pertahanan mereka di Tanah Melayu dan Singapura sebagai kebal dan sukar dicembusi. Namun begitu, scgala-galanya berubah apabila Jepun dengan mudah mencwaskan British di Tanah Melayu dan Singapura.



Gambar di atas menunjukkan upacara menyerahkan pedang tanda Jepun menyerah kalah dengan rasminya di Kuala Lumpur.

Gambar asal diperolehi dari Arkib Negara, Kuala Lumpur.



Gambar di atas menunjukkan upacara penyerahan kuasa oleh tentera Jepun kepada kerajaan British di mana Jeneral Jepun menyerahkan ‘Pedang Samurai’nya kepada Jeneral Messervy dan diikuti oleh Jeneral-jeneral Jepun yang lain. Upacara ini berlaku pada 22 Februari 1946 di Victoria Institution iaitu Ibu Pejabat Tentera British di Kuala Lumpur.

Gambar asal diperolehi dari Arkib Negara, Kuala Lumpur.

Sewaktu pendudukan dan pentadbiran Jepun, pelbagai perubahan telah dilakukan oleh mereka. Perkara yang paling dirasai sekali ialah kesan perubahan ekonomi yang begitu mencengkam terhadap penduduk Tanah Melayu. Akibatnya, ramai yang mati kebuluran dan sentiasa hidup di dalam kesengsaraan di bawah pentadbiran Jepun. Orang Melayu yang sebelum ini tidak pandai berdikari pada ketika itu sudah berubah apabila berada dalam tekanan pihak Jepun. Ianya juga menampakkan beberapa kegiatan yang sebahagiannya belum pernah dialami oleh penduduk tempatan dan telah memberi kesan pula kepada keadaan selepas pendudukan tersebut.

Melaka telah mengalami perubahan asas dalam pentadbiran dan juga kegiatan politik yang wujud pada zaman Jepun. Pentadbiran Melaka telah diletakkan di bawah tanggungjawab Pentadbiran Tentera Malai di mana Melaka telah menjadi satu wilayah yang sama pentadbirannya seperti negeri-negeri lain di Tanah Melayu kecuali negeri-negeri utara Tanah Melayu yang diserahkan kepada Siam pada tahun 1943. Ini berbanding dengan pentadbiran di zanian sebelum perang di mana Melaka adalah di bawah pentadbiran Negeri-negeri Selat. Ini pertama kali pentadbiran Melaka disatukan dengan Tanah Melayu seluruhnya. Sungguhpun begitu, bentuk perjalanan dan struktur pentadbiran dalam negeri pada umumnya tidak berubah kecuali pentadbiran tersebut berbentuk pentadbiran tentera.

Pentadbiran Jepun juga telah memberikan layanan yang berbeza-beza pada setiap kaum yang terdapat di Melaka. Sebagai hasilnya, perasaan perkauman telah

menjadi bertambah hebat lagi. Sungguhpun begitu ketegangan hubungan kaum di Melaka tidaklah seburuk seperti yang berlaku dinegeri-negeri lain di Tanah Melayu. Namun begitu, ada juga pertumpahan darah yang berlaku di Melaka kerana perasaan perkauman ini. Kejadian tersebut berlaku kerana terdapatnya kekosongan kekuasaan politik dalam jangkamasa di mana setelah tentera Jepun menyerah kalah dan tentera Berikat belum sampai lagi ke Tanah Melayu. Perasaan dendam-mendendam yang wujud pada waktu pemerintahan Jepun hasil dari perbezaan layanan telah mcletus apabila tidak terdapatnya satu kuasa yang dapat mengawalnya lagi.

Pada umumnya pentadbiran Jepun tidak meresap kesegenap peringkat dan kaum penduduk-penduduk tempatan. Ini ialah kerana terdapatnya beberapa golongan yang telah berjuang menentang Jepun secara gerila di hutan-hutan. Jepun juga tidak dapat memenangi hati rakyat dengan sepenuhnya. Sungguhpun telah mengadakan Maktab Latihan Pegawai-pegawai bumiputra di Melaka, tetapi latihan latihan tersebut diadakan kerana kurangnya pegawai-pegawai pentadbir Jepun.

Peranan Melaka sebagai sebuah negeri yang memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu di zaman pendudukan dan pentadbiran Jepun tidak menampakkan adanya satu pergerakkan yang kuat dan jelas. Melaka tidak menjadi pusat kepada sebarang pergerakan politik yang memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu seperti K.M.M. Malah gerakan penentangan terhadap Jepun seperti M.P.A.J.A. tidak mempunyai pusat pergerakannya di Melaka. Walau bagaimanapun ini bukanlah bermakna penduduk Melaka tidak bergiat di zaman

tersebut. Kegiatan pejuang-pejuang K.M.M. dan juga anggota-anggota P.E.T.A. berasal daripada Melaka. Perkara ini berlaku kerana matlamat perjuangan sebenarnya bukanlah untuk negeri tersebut tetapi adalah untuk Tanah Melayu seluruhnya. Olch itu satu pusat pergerakan yang sesuai adalah satu faktor strateji sehingga tidak mestinya terletak dan berjuang di Melaka sahaja.

Pendudukan Jepun juga telah membangkitkan kesedaran politik bukan hanya pada orang Melayu sahaja tetapi juga dikalangan dikalangan orang Cina dan India. Kaum-kaum pendatang telah mula menganggap Tanah Melayu sebagai tanah air mereka. Jika zaman Jepun, orang India masih taatkan negara mereka dengan penubuhan I.I.L. dan penentangannya kepada Jepun tidak begitu jelas. Orang Cina dengan M.P.A.J.A. dan orang Melayu dengan K.M.M. Kesan daripadanya dapat dilihat berdasarkan kegiatan politik yang wujud di Tanah Melayu selepas pendudukan Jepun. Sungguhpun begitu, penerimaan tanpa penentangan terhadap kedatangan British setelah Jepun menyerah kalah seolah-olah menunjukkan bahawa asuhan politik yang diberikan oleh Jepun itu kurang berkesan. Namun begitu corak perjuangan politik selepas pendudukan Jepun menunjukkan ciri-ciri perubahan seperti adanya penentangan secara kolektif dan umum terhadap penubuhan Malayan Union oleh orang-orang Melayu.

Kesimpulannya di sini bolchlah kita katakan bahawa pendudukan dan pentadbiran Jepun di Tanah Melayu telah turut memberi sumbangan terhadap pergolakan sosial, ekonomi dan politik untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu